GUAN SENG CO. SDN. BHD. & YANG LAIN

lwn.

TAN HOCK CHAN & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, IPOH
ABDUL MALEK AHMAD H
[PENGGULUNGAN SYARIKAT NO. 42-3-88]
20 OGOS 1990

UNDANG-UNDANG SYARIKAT: *Penggulungan syarikat - Permohonan pempetisyen untuk arahan lanjut - Mesyuarat Agong Tahunan - Penindasan - Akaun berodit - Akta Syarikat 1965, s. 143, 169.*

Pada 23 Februari 1988, pempetisyen memohon kepada Mahkamah supaya Mahkamah membuat perintah mengenai pembelian saham-saham pempetisyen oleh respondent pertama dan/atau ketiga atau oleh syarikat Glenview Development Sdn. Bhd. Dalam keadaan terakhir ini, pempetisyen meminta Mahkamah memerintahkan pengurangan modal syarikat itu. Pempetisyen juga memohon, sebagai alternatif, supaya syarikat itu digulung. Permohonan ini telah didengar pada bulan Ogos dan September 1988 dan pada 6 Oktober 1988 Mahkamah telah memutuskan bahawa responden tidak melakukan penindasan akan tetapi tindakan mereka adalah dikira sebagai tidak mengendahkan kepentingan pempetisyen kerana sebagai pemegang saham minoriti mereka tidak diberitahu tentang pengurusan syarikat itu semenjak 1980. Oleh yang demikian, Mahkamah memerintahkan pembelian saham-saham pempetisyen oleh syarikat tersebut tetapi tidak membuat perintah mengenai pengurangan modal syarikat.

Dengan persetujuan kedua-kedua pihak, saham-saham pempetisyen hendaklah dijual mengikut harga yang ditetapkan oleh firma akauntan yang dilantik oleh Mahkamah dengan persetujuan kedua-dua pihak.

Isu yang tinggal untuk penyelesaian ialah tarikh berkenaan bagi tujuan menentukan harga saham. Pempetisyen menuntut supaya tarikhnya ialah tarikh penindasan tetapi responden mengatakan bahawa tarikhnya hendaklah tarikh petisyen ini difalikan ataupun tarikh Mahkamah membuat perintah.

Diputuskan:
Oleh kerana Mahkamah telah pada 6 Oktober 1988 memutuskan bahawa dalam kes ini penindasan tidak berlaku, tarikh berkenaan bagi penilaian saham ialah tarikh petisyen difailkan oleh pempetisyen, iaitu 25 Februari 1988.

Kes-kes yang dirujuk:
Re Kong Thai Sawmill (Miri) Sdn. Bhd. v. Ling Beng Sung [1978] 2 MLJ 227
Re H.R. Harmer Ltd. [1958] 3 All ER 689
Ripon Press and Sugar Mill Co. Ltd. v. Gopal Chetti & Ors. [1930-31] LR Indian Appeals Vol 58 416
Re Jermyn Street Turkish Baths Ltd. [1971] 3 All ER 184
Re Five Minute Car Wash Service Ltd. [1966] 1 All ER 242
Scottish Co-operative Wholesale Society Ltd. v. Meyer & Anor. [1959] AC 324

Perundangan yang dirujuk:
Companies Act 1965, ss. 143, 169

Bagi Pihak Pempetisyen - pempetisyen - W.S.W. Davidson, Hermen R. Paul & Ling Yoke Tek; T/n. Azman, Davidson & Co.
Bagi Pihak Responden-responden - Mahinder Singh Dulku & Ismadi Zainal Abidin; T/n. Mahinder Singh Dulku & Co.

PENGHAKIMAN

Abdul Malek H:

Rayuan ini berbangkit dari keputusan Mahkamah mengenai permohonan pempetisyen-pempetisyen (lampiran 34) untuk arahan-arahan lanjut berkenaan dengan penetapan harga saham-saham Glenview Development Sdn. Bhd. (kemudian daripada ini disebut "syarikat tersebut") berikutan dengan perintah mahkamah pada 6 Oktober 1988 berdasarkan laporan interim Kennedy Burkill & Company Berhad bertarikh 14 Mac 1990, dan juga untuk kos dan relief lanjut. Sebelum perkara ini dihuraikan selanjutnya, adalah dianggap wajar dan sesuai, sejarah dan latarbelakang kes ini dinyatakan terlebih dahulu.

Melalui petisyen (lampiran 1) yang difailkan pada 23 Februari 1988, pempetisyen-pempetisyen telah memohon:

(a) supaya Mahkamah membuat perintah bagi memperuntukkan pembelian saham-saham pempetisyen-pempetisyen oleh responden pertama dan/atau responden ketiga atau oleh syarikat tersebut sendiri;

(b) supaya dalam keadaan di mana Mahkamah membuat perintah bagi memperuntukkan pembelian saham-saham pempetisyen-pempetisyen oleh syarikat tersebut sendiri, Mahkamah hendaklah memerintahkan tentang pengurangan modal syarikat tersebut;

(c) supaya, mengikut alternatif, syarikat tersebut hendaklah digulung;

(d) untuk semua arahan yang perlu dan yang berbangkit;

(e) untuk apa-apa perintah lain yang dianggap adil dalam keadaan demikian.

Permohonan ini telah didengar pada 30 Ogos 1988 dan 22 September 1988 dan pada 6 Oktober 1988, Mahkamah telah memutuskan seperti berikut:

(a) permohonan telah dibuat di bawah seksyen 181 Akta Syarikat 1965;

(b) Secara kebetulan fakta-fakta tidaklah dipertikaikan;

(c) wakil responden pertama telah disingkir dari Lembaga Pengarah syarikat tersebut semenjak 29 Januari 1980;

(d) melalui guaman-guaman Sivil 177/80 dan 424/80 yang masih di separuh dengar, pempetisyen-pempetisyen telah menuntut terhadap responden-responden mengenai beberapa salahlaku di sisi undang-undang mengenai pengendalian syarikat tersebut;

(e) semenjak itu tiada Mesyuarat Agong Tahunan diadakan dan tiada diauditkan. Ini telah berterusan selama enam tahun;

(f) kepada pempetisyen-pempetisyen, tindakan seperti ini adalah merupakan penindasan atau keadaan tidak mengendahkan kepentingan mereka;

(g) setelah menimbangkan segala hujah-hujah, afidavit-afidavit dan autoriti-autoriti, Mahkamah berpendapat bahawa ianya hanya patut menghiraukan fakta bahawa tiada Mesyuarat Agong Tahunan diadakan selama enam tahun yang melanggar seksyen 143 Akta Syarikat 1965 dan tiada akaun beraudit dibentangkan selama tujuh tahun yang melanggar seksyen 169 Akta Syarikat 1965 dan bahawa hanya pada 16 Ogos 1988 syarikat tersebut telah membentangkan akaun-akaun yang terlewat sehingga Disember 1984;

(h) dalam keadaan demikian, Mahkamah bersetuju dengan peguam responden-responden bahawa perlanggaran oleh responden-responden ini tidak boleh merupakan penindasan oleh mereka berdasarkan autoriti-autoriti yang dirujuk, tetapi Mahkamah berpendapat bahawa ianya merupakan keadaan tidak mengendahkan kepentingan pempetisyen-pempetisyen kerana pemegang-pemegang saham minoriti yang banyak telah dibiarkan dalam keadaan tidak tahu-menahu mengenai pengurusan syarikat tersebut semenjak 1980;

(i) berikutan dari itu, Mahkamah telah memberi perintah seperti dikehendaki di prayer (a) untuk pembelian saham-saham pempetisyen-pempetisyen oleh syarikat tersebut tetapi tidak membuat perintah mengenai pengurangan modal syarikat oleh kerana ianya tidak perlu dalam keadaan demikian;

(j) Mahkamah tidak membuat apa-apa perintah kos;

(k) dengan persetujuan peguam kedua-dua pihak, saham-saham pempetisyen-pempetisyen hendaklah dijual dalam tempoh tiga bulan mengikut harga yang akan ditetapkan oleh firma akaun yang hendak dilantik oleh Mahkamah dengan persetujuan kedua-dua pihak dan juga pihak-pihak berkebebasan memohon untuk apa-apa perintah yang berbangkit.

Melalui permohonan oleh pempetisyen-pempetisyen yang dibuat pada 5 Januari 1989 (lampiran 16) secara perakuan segera, pempetisyen-pempetisyen telah memohon bahawa Peat, Marwick and Mitchell & Co. dilantik sebagai pengaudit-pengaudit untuk menjalankan terma-terma perintah Mahkamah yang bertarikh 6 Oktober 1988 dan pengaudit-pengaudit dibenarkan memasuki responden-responden dan mengambil milik untuk pemeriksaan serta-merta segala Buku-buku minit dan Buku-buku akaun dari 1980 hingga 1988 dan mana-mana buku-buku, suratan-suratan dan surat-menyurat dan membuat salinan-salinannya, jika perlu, yang berkaitan dengan syarikat tersebut. Setelah mendengar hujah-hujah peguam kedua-dua pihak pada 3 Mac 1989, Mahkamah telah melantik Kennedy Burkill & Co. sebagai pengaudit-pengaudit bebas dan mengarahkan tiap-tiap pihak menanggung kos sendiri.

Melalui Saman dalam Kamar bertarikh 13 Mei 1989 (lampiran 22) yang juga dibuat secara *ex parte* dan melalui perakuan segera, pempetisyen-pempetisyen telah memohon menambah perkataan "Berhad" selepas Messrs. Kennedy Burkill & Co. dan memotong "auditors" dan "public accountants" dari perintah Mahkamah bertarikh 3 Mac 1989 dan oleh kerana peguam responden-responden tiada bantahan, perintah ini telah diberi seperti dipohon pada 2 Jun 1989.

Melalui Saman dalam Kamar yang dibuat secara *ex parte* dan melalui perakuan segera pada 5 Disember 1989 (lampiran 26), pempetisyen-pempetisyen telah memohon dan Mahkamah telah memberi perintah supaya akauntan, pengaudit, setiausaha syarikat, pengarah atau agen-agen mereka dalam syarikat tersebut diperintahkan memberi kepada Kennedy Burkill & Co. Berhad buku-buku minit dan buku-buku akaun dan lain-lain buku statutori, rekod-rekod dan surat-menyurat syarikat tersebut dalam tempoh tujuh hari dari tarikh perintah untuk membolehkan Kennedy Burkill & Co. Berhad menjalankan terma-terma perintah mahkamah bertarikh 6 Oktober 1988 dan membuat salinan-salinan rekod-rekod tersebut dan jika perintah tersebut diengkari, sesiapa di antara mereka boleh diambil tindakan perlaksanaan atau penghinaan.

Melalui Saman dalam Kamar bertarikh 16 Disember 1989 (Lampiran 30) yang juga dibuat melalui perakuan segera, responden-responden telah memohon supaya perintah yang dibuat pada 5 Disember 1989 dipinda dari tujuh hari hingga tiga puluh hari untuk memberi mereka masa yang mencukupi untuk mematuhi perintah tersebut. Setelah mendengar hujah-hujah dari peguam kedua-dua pihak, Mahkamah pada 16 Disember 1989 telah memerintahkan tempoh pematuhan perintah 5 Disember 1989 dipinda dari tujuh hari mulai 5 Disember 1989 kepada tiga puluh hari mulai 16 Disember 1989.

Sekarang kita berbalik kepada permohonan yang menjadi punca rayuan ini. Hanya satu isu dipertikaikan dan ianya adalah tarikh penetapan harga. Mengikut pempetisyen-pempetisyen, tarikh berkenaan ialah tarikh penindasan sedangkan responden-responden berpendapat bahawa tarikh petisyen difailkan ialah tarikh yang berkaitan. Dengan persetujuan, kedua-dua pihak telah memasukkan hujah-hujah bertulis.

Antara lain, peguam bijaksana bagi pihak pempetisyen-pempetisyen telah mengemukakan petikan-petikan dari kes *Scottish Co-operative Wholesale Socieity Ltd. v. Meyer & Anor*. [1959] AC 324 yang berbunyi:

(Lord Keith):

It was contended that the value of RM3.15/315 cents put upon the shares was excessive, I see no reason for altering this figure. Lords Sorn has, in my opinion, approached this matter on a correct principle, by considering what would have been the value of the shares at the commencement of the proceedings had it not been for the effect of the oppressive conduct of which complaint was made. This is clearly not a matter on which a calculation can be made with mathematical accuracy or by the application of strict accounting principles and the figure fixed by the Court is well below the figure fixed by the auditors in February 1952, and the price suggested by Dr. Meyer in February 1953.

(Lord Denning).

Now, I quite agree that the words of the section do suggest that the legislature had in mind some remedy whereby the company, instead of being wound up, might continue to operate. But it would be wrong to infer therefrom that the remedy under s. 210 is limited to cases where the company is still in active business. The object of the remedy is to bring to an end the "matters complained of", that is, the oppression, and this can be done even though the business of the company has been brought to a standstill. If a remedy is available when the oppression is so moderate that it only inflicts wounds on the company, whilst leaving it active, so also it should be available when the oppression is so great as to put the company out of action altogether. Even though the oppressor by his oppression brings down the whole edifice - destroying the value of his own shares with those of everyone else - the injured shareholders have, I think, a remedy under s. 210.

One of the most useful orders mentioned in the section - which will enable the Court to do justice to the injured shareholders - is to order the oppressor to buy their shares at a fair price: and a fair price would be, I think, the value which the shares would have had at the date of the petition, if there had been no oppression. Once the oppressor has bought the shares, the company can survive. It can continue to operate. That is a matter for him. It is, no doubt, true that an order of this kind gives to the oppressed shareholders what is in effect money compensation for the injury done to them: but I see no objection to this. The section gives a large discretion to the Court and it is well exercised in making an oppressor make compensation to those who have suffered at his hands.

True it is that in this, as in other respects, your Lordships are giving a liberal interpretation to s. 210. But it is a new section designed to suppress an acknowledged mischief. When it comes before this house for the first time it is, I believe, in accordance with long precedent and particularly with the resolution of all Judges in *Heydon's* case - that your Lordships should give such construction as shall advance the remedy. And that is what your Lordships do today." (garisan bawah dibuat untuk kemudahan merujuk kepadanya di perenggan 10.)

Peguam yang arif bagi pihak responden-responden telah menyarankan bahawa tarikh penilaian hendaklah samada tarikh perintah Mahkamah pada 6 Oktober 1988 atau tarikh petiysen difaikan pada 24 Februari 1988 atas sebab-sebab pempetisyen-pempetisyen telah tidak memberitahu Mahkamah sebab kelewatan memfail petisyen dari tahun 1982, tiada bukti bahawa responden-responden yang menyebabkan pengurangan nilai saham, dan bahawa syarikat

tersebut terlibat dalam pengurusan hartanah yang telah melihat kemerosotan ekonomi antara tahun-tahun 1983 hingga 1987 seperti juga syarikat-syarikat pengurusan hartanah yang lain. Yang penting sekali, peguam berkenaan telah juga membawa perhatian Mahkamah kepada kes yang sama *Re Five Minute Car Wash Service Ltd.* [1966] 1 All ER 242 khususnya kepada petikan pendapat Lord Denning seperti digaris bawah di perenggan 9 dan yang diulangi di sini untuk kemudahan rujukan:

> One of the most useful orders mentioned in the section - which will enable the Court to do justice to the injured shareholders - is to order the oppressor to buy their shares at a fair price: and a fair price would be, I think, the value which the shares would have had at the date of the petition, if there had been no oppression.

Dalam keadaan demikian, oleh kerana pada 6 Oktober 1988 iaitu tarikh petisyen diputuskan, Mahkamah telah berpendapat tiada penindasan telah berlaku, maka dengan berpandukan kes yang telah dikemukakan oleh peguam kedua-dua pihak, Mahkamah berpendapat bahawa tarikh yang patut diambil kira ialah tarikh petisyen difailkan dan bukan tarikh "penindasan". Oleh itu, Mahkamah telah menetapkan bahawa penilaian saham-saham dibuat pada tarikh petisyen difailkan iaitu 24 Februari 1988 dan mengarahkan bahawa segala urusan diselesaikan dalam tempoh empat bulan dari tarikh perintah. Tiada apa-apa perintah kos dibuat.

Also found at [1990] 2 CLJ 765